



**LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA
MALYSIAN TIMBER INDUSTRY BOARD**

(Kementerian Perlindungan dan Komoditi)

Tingkat 13-17, Menara PGRM, No.8, Jalan Pudu Ulu, Cheras,
56100, Kuala Lumpur, Malaysia.

Tel : 603-9282 2235 (12 LINES) Faks : 603-9200 3769 / 9283 9792

E-mel : info@mtib.gov.my Laman web: www.mtib.gov.my

Ruj. Kami: (3) LPKM 7/11/04/2/3/9/5 Jld.6
Tarikh : 23 Jun 2025

Kepada:
Syarikat Pengeksport
Syarikat Pengimport Kayu
Agen Penghantar (Forwarding Agent)
Syarikat Pembekal
Syarikat Pengedar
Syarikat Konsesi Pembalok

YBhg. Dato' / Tuan / Puan,

**PELAKSANAAN PENGAUDITAN PEMATUHAN *TIMBER LEGALITY ASSURANCE*
SYSTEM SEMENANJUNG (MyTLAS) TAHUN 2025**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Untuk makluman YBhg. Dato'/Tuan/Puan, Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) melalui Kementerian Perlindungan dan Komoditi (KPK) telah melantik pihak auditor bebas (*third party auditor*) iaitu SIRIM QAS International Sdn Bhd untuk melaksanakan **PENGAUDITAN PEMATUHAN *TIMBER LEGALITY ASSURANCE* SYSTEM SEMENANJUNG (MyTLAS) TAHUN 2025**, selama lapan (8) bulan bermula dari **5 Jun 2025 hingga 31 Januari 2026**.

3. MTIB selaku *Licensing Authorities* MyTLAS akan menyelaras sesi pengauditan tersebut di semua 12 buah negeri di Semenanjung yang melibatkan sektor perhutanan dan industri perkayuan, meliputi aktiviti-aktiviti dan perniagaan berasaskan kayu kayan. Pelaksanaan pengauditan ini bertujuan untuk:

- a) mengukuhkan kredibiliti TLAS sebagai sistem jaminan legaliti kayu-kayan melalui pelaksanaan *Third Party Monitor* (TPM) untuk TLAS Semenanjung;
- b) mengenalpasti kelemahan dan ruang penambahbaikan bagi setiap prinsip dan kriteria dalam Jadual TLAS; dan

PERKHIDMATAN BERKUALITI KEPUASAN PELANGGAN



- c) memberi keyakinan kepada pengimport bahawa kayu dan produk kayu Malaysia dihasilkan secara sah, sekaligus meningkatkan imej negara sebagai pengeluar produk kayu berstatus *legal timber* di pasaran antarabangsa.

4. Sehubungan dengan itu, MTIB memohon perhatian kepada semua syarikat-syarikat yang terlibat dalam aktiviti di sektor perhutanan dan industri perkayuan untuk bersedia dan memberikan kerjasama kepada pihak juruaudit (SIRIM QAS International Sdn Bhd) sepanjang tempoh pelaksanaan pengauditan tersebut.


Perhatian dan kerjasama YBhg. Dato' / Tuan / Puan dalam urusan ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



Pengarah

Bahagian Pelesenan dan Inspektorat

Lampiran:

s.k.:

1. Ketua Pengarah MTIB
 2. Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan dan Operasi)
 3. Ketua Pejabat MTIB Wilayah dan Negeri
 4. SIRIM QAS International Sdn. Bhd.
 5. *Liason Officer* Agensi Pelaksana (LO AP) MyTLAS – **Mohon dipanjangkan pemakluman ini kepada peringkat pejabat negeri agensi masing-masing khusus dalam sektor pembalakan dan perkayuan**
 6. Persatuan Kayu Kayan
 7. Persatuan Konsesi Pembalak
- } - Mohon dipanjangkan pemakluman ini kepada ahli-ahli persatuan